

98
**'RUMUSAN₂ MEREKA KERAP KALI
MENAFIKAN HAK YANG MISKIN'**

Negara₂ kaya pentingkan diri – Mahathir

UM 21 APR 1987

KUALA LUMPUR 19 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara-negara terkaya di dunia hanya mementingkan negara sendiri setiap kali mereka merumuskan sesuatu keputusan tanpa menghiraukan nasib yang menimpa negara-negara sedang membangun.

Perdana Menteri berkata: "Apa yang kita lihat sekarang adalah keadaan yang hampir - hampir merupakan penafian penuh terhadap mereka yang miskin.

"Setiap kali tujuh negara terkaya berjumpa, mereka akan membuat rumusan hanya untuk kepentingan masing - masing tanpa mempedulikan negara-negara lain di dunia." Sebagai contoh kata Perdana Menteri, bagi menghadapi masalah ketidakseimbangan perdagangan, negara-negara berkenaan mengeneipkan apa yang akan berlaku terhadap negara-negara lain dengan menilai semula matawang - matawang mereka seperti yen, deutschmark dan dolar Amerika.

Akibatnya negara sedang membangun seperti Malaysia terpaksa menaikkan nilai pinjaman yen sebanyak 70 peratus di samping memperolehi keuntungan yang lebih rendah dari hasil eksport petroleum," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian semasa menyampaikan ucapan dasarnya di sesi kelima Majlis Tindakan Bersama di Dewan Tun Hussein Onn, Kompleks Dagangan Dunia Putra petang ini.

Sesi tersebut dipengerusikan oleh Encik Helmut Schmidt dan turut dihadiri oleh bekas Perdana Menteri Jepun, Encik

Takeo Fukuda dan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn yang juga Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Menurut Perdana Menteri, gejala yang menimpa Malaysia itu turut juga menggugat negara-negara sedang membangun yang lain.

Tegasnya, gejala itu berlaku apabila negara-negara yang kaya mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri.

Perdana Menteri menegaskan bahawa tidak ada negara di dunia mahu hidup atas bantuan semata-mata.

"Semua negara mahu mendapat wang atas hasil diri sendiri dan ini akan hanya boleh dilakukan jika mereka tidak dibebankan dengan begitu banyak peraturan dan halangan," kata beliau.

"Insentif - insentif yang diberi oleh negara-negara sedang membangun untuk industri eksport akan hanya mendatangkan faedah jika negara-negara maju membuka pasaran mereka," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, "perang perdagangan" yang dihadapi oleh negara-negara kaya tidak harus menyebabkan wujud halangan yang boleh menggugat kedudukan negara sedang membangun secara menyeluruh. Beliau berpendapat, halangan - halangan itu jika diadakan hendaklah dilakukan dalam bentuk yang boleh menguntungkan negara-negara sedang membangun.

Beliau berkata: "Pemimpin - pemimpin dunia sekarang lebih disifatkan sebagai pemimpin dunia dalam erti kata sebenar dan bukan hanya pemimpin yang dikenali oleh seluruh dunia.

"Kemegahan di peringkat antarabangsa hendaklah membawa bersamanya tanggungjawab antarabangsa dan kewajipan itu tidak hilang semata-mata kerana seseorang itu sudah bersara.

"Dunia harus terus

- mendapat faedah - faedah daripada orang - orang yang berpengalaman dan berpengetahuan seperti peserta - peserta yang menghadiri sesi ini."
- Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata beliau berharap beliau tidak akan menjadi anggota Majlis Tindakan Bersama tersebut (yang dianggotai oleh bekas-bekas pemimpin negara) dalam masa beberapa hari akan datana.